


**HUBUNGAN PERSEKITARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KONSTRUKTIVISME DENGAN PENCAPAIAN PENDIDIKAN SENI
VISUAL DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT
DI DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA**


NORHAYATI BINTI MUSA

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN SENI)**



**FAKULTI PENDIDIKAN SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005



Abstrak


Tujuan utama penyelidikan ini dilakukan adalah untuk melihat hubungan persekitaran pembelajaran Konstruktivisme dengan pencapaian pelajar dalam Pendidikan Seni Visual di lima buah sekolah dalam daerah Larut Matang dan Selama, Perak. Kajian ini melibatkan seramai 309 orang pelajar di tingkatan empat yang terdiri daripada 158 orang pelajar lelaki dan 151 orang pelajar perempuan. Kesemua sampel yang terlibat adalah daripada pelajar aliran sastera. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti persekitaran pembelajaran Konstruktivisme yang dilaksanakan oleh guru dapat mempertingkatkan lagi penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dalam pengajaran-pembelajaran. Secara khususnya kajian ini dilakukan adalah untuk melihat hubungan penguasaan sedia ada pelajar melalui konsep Asas Seni Reka menerusi penguasaan Unsur Seni (Seni Halus) dalam Pendidikan Seni Visual bagi pelajar dalam daerah Larut Matang dan Selama. Data yang dikutip dianalisis dengan menggunakan *SPSS Versi 11.0*. Kajian ini juga penting kepada para pendidik dan pihak yang berwajib untuk mengenalpasti faktor-faktor, kaedah serta pendekatan dan penggunaan teori pengajaran-pembelajaran di peringkat menengah atas. Berdasarkan ujian korelasi *Spearman's*, didapati korelasi antara persekitaran pembelajaran Konstruktivisme dengan tahap pencapaian Pendidikan Seni Visual adalah berada pada tahap negatif iaitu $-.066$. Ini menunjukkan bahawa tiada korelasi antara persekitaran pembelajaran Konstruktivisme dengan tahap pencapaian Pendidikan Seni Visual di kalangan pelajar tingkatan empat. Faktor latar belakang hanya melibatkan tahap akademik penjaga dan lokasi yang memberi kesan terhadap penguasaan sedia ada dalam Pendidikan Seni Visual dengan aras signifikan $p < 0.05$. Tahap penguasaan sedia ada dalam Pendidikan Seni Visual tidak mempunyai hubungan yang kuat dengan persekitaran pembelajaran Konstruktivisme. Menerusi dapatan kajian ini, beberapa langkah ke arah mempertingkatkan penguasaan sedia ada menerusi konsep Asas Seni Reka telah dicadangkan. Kepelbagaian dalam kaedah pengajaran Pendidikan Seni Visual oleh guru Pendidikan Seni perlu diamalkan. Peruntukan masa yang sesuai harus diberikan kepada pelajar untuk mengikuti mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Aktiviti berpusatkan murid perlu dipergiatkan dan penglibatan secara aktif pelajar-pelajar di bilik darjah atau studio Pendidikan Seni.



Abstract

The main research intends to observe the relationship between the environmental of constructivisme learning with the achivement of the Visual Art Education in five schools in the Larut Matang and Selama District, Perak. The research involves 310 Form Four students from the Arts Stream who used as samples. 158 of them were males while 151 were female students. The aim of the research was to ascertain the constructivisme learning environment which had been carried out by the teacher to enhance the students competence in the subject of Visual Art. Indirectly the research aims to see the relationship between the constructivisme learning environment with the present knowledge that the students already possess which includes the Basic Concepts of Art which encompass the topic of Art Patterns (Fine Arts). Furthermore, the research aims to find out whether this present knowledge of experience which the students have in Visual Art by learning them through their Art classes has any influence on their performance and the constructivism learning environmental. The factors which were presented above are considered important in determining whether the learning method by constructivism is a success or failure. This learning method is used by the Art teachers in teaching arts to students in terms of their competency in their Visual Art. The datas compiled are analysed by using the SPSS Version 11.0. The research is also important to education and the parties responsible to recognize the factors, methods and approach and usage of learning theories at the secondary level. According to the Spearman's Correlation Stastic test, the correlation between the Constructivisme Learning Environment with the achivement level of Visual Art Education showed a negative level of 0.66. It shows that there is no correlation present. The background factor only involves the level of education and location of the guardian, which effects the present ability in Visual Arts with the level significance of $p < 0.005$. The present ability in Visual Art Educaton actually has no strong link with the Constructivisme Learning Environment. Based on this research, several ways to increase the present ability of Visual Arts have been suggested. The visual Art teachers should practise various methodology in carrying out their lessons in class. A suitable time schedule should also be allocated for the Visual Art Education. Student centered activities need to be increased and this should involve active participation of students in classroom or Art Studios.

SENARAI KANDUNGAN



HALAMAN


PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	7
1.3	Objektif Kajian	16
	1.3.1 Objektif Umum	16
	1.3.2 Objektif Khusus	16
1.4	Soalan-soalan Kajian	17
1.5	Kepentingan Kajian	18
1.6	Batasan Kajian	19
1.7	Definisi Operasional	
	1.7.1 Singkatan dan Istilah	
	1.7.2 Definisi Operasional	21

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	29
2.1	Kajian Dalam Negara	30
2.2	Kajian Luar Negara	41
2.3	Kerangka Teori	51
	2.3.1 Kerangka Konseptual	65



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	69
3.2	Rekabentuk Penyelidikan	70
3.3	Instrumen Kajian	73
3.3.1	Kebolehpercayaan dan Kesahan Soal Selidik	78
3.3.2	Kajian Rintis	79
3.4	Populasi dan Sampel	80
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	83
3.6	Kaedah Penganalisan Data	92
3.6.1	Ujian Khi Kuasa dua	92
3.6.2	Ujian Korelasi	93
3.6.3	Ujian ANOVA – Satu hala	94
3.6.4	Analisis Regresi	95

BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	96
4.2	Analisis Soalan Kajian	96
4.2.1	Analisis Soalan Kajian 1	97
	Soalan Kajian 4.2.1	97
	Soalan kajian 4.2.2	98
	Soalan Kajian 4.2.3	100
	Soalan Kajian 4.2.4	102
	Soalan Kajian 4.2.5	103
	Soalan Kajian 4.2.6	104
4.3	Analisis Soalan Kajian 2	
	Soalan Kajian 4.3.1	105
	Soalan Kajian 4.3.2	106
	Soalan Kajian 4.3.3	107
	Soalan Kajian 4.3.4	109
	Soalan Kajian 4.3.5	111

	Soalan Kajian 4.3.6	112
	Soalan Kajian 4.3.7	113
4.4	Analisis Soalan Kajian 3	
	Soalan Kajian 4.4.1	114
	Soalan Kajian 4.4.2	116
	Soalan Kajian 4.4.3	118
4.5	Analisis Soalan Kajian 4	
	Soalan Kajian 4.5.1	120
4.6	Analisis Soalan Kajian 5	
	Soalan Kajian 4.6.1	121
4.7	Analisis Soalan Kajian 6	
	Soalan Kajian 4.7.1	122
4.8	Analisis Soalan Kajian 7	
	Soalan Kajian 4.8.1	123
 BAB 5	 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	127
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	128
	5.2.1 Pencapaian Pendidikan Seni Visual Para Pelajar Tingkatan Empat	128
	5.2.2 Rumusan Soalan Kajian	130
5.3	Perbincangan	141
5.4	Cadangan-cadangan	143
5.5	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	148
5.6	Kesimpulan	150

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

Lampiran A : Jadual Teknik Persampelan Kriejcie, R.V. & Morgan, D.W (1970)

Lampiran B : Soal Selidik Kajian

Lampiran C : Surat Permohonan Menjalankan Penyelidikan


Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri

Lampiran D : Surat Kebenaran Bahagian Perancangan & Penyelidikan
Dasat Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lampiran E : Borang Markah Tahap Penguasaan Asas Seni Reka

Lampiran F: Kriteria Pemarkahan dan Pencapaian (berasaskan Asas Seni Reka)

Lampiran G : Analisis Data



SENARAI JADUAL

JADUAL	HALAMAN
Jadual 1.1  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	11
Jadual 1.2	Jadual Kategori Gred Pencapaian SPM 28
Jadual 2.1	Anjakan Paradigma Teori Pembelajaran Konstruktivisme 53
Jadual 2.2	Model Pengajaran Konstruktivisme 5-Fasa Needham 63
Jadual 3.1	Jadual Pembahagian Gred Tahap Penguasaan Sedia Ada Asas Seni Reka 75
Jadual 3.2	Soal selidik Persekitaran Pembelajaran Konstruktivisme 77
Jadual 3.3	Nilai Kebolehpercayaan Kaedah Alpha Cronbach 78
Jadual 3.4	Taburan Sekolah Mengikut Lokasi 81
Jadual 3.5	Taburan Sampel Mengikut Sekolah 82
Jadual 3.6	Bilangan Responden Mengikut Jantina 83
Jadual 3.7  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	86
Jadual 3.8	Taburan Responden Mengikut Kelas dan Sekolah 86
Jadual 3.9	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Pendidikan Seni Visual Tingkatan Empat dalam Peperiksaan Lepas 87
Jadual 3.10	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Penjaga 88
Jadual 3.11	Taburan Lokasi Tempat Tinggal 89
Jadual 3.12	Taburan Responden Mengikut Bangsa dan Sekolah 90
Jadual 3.13	Taburan Persepsi Responden Terhadap Kepentingan Bidang Seni 91
Jadual 3.14	Taburan Responden Terhadap Minat dalam Pendidikan Seni Visual 91
Jadual 4.1	Gred Pencapaian Pendidikan Seni Visual Lalu Pelajar Tingkatan Empat 98



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual 4.2	Ujian Khi Kuasa dua Pencapaian Pendidikan Seni Visual dengan Faktor Jantina Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	99
Jadual 4.3	Ujian Khi Kuasa dua Faktor Akademik Penjaga dengan Pencapaian Pendidikan Seni Visual Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	100
Jadual 4.4	Perkaitan Korelasi Antara Faktor Minat Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	102
Jadual 4.5	Ujian Korelasi Antara Persepsi Pelajar Terhadap Kepentingan Bidang Seni dengan Tahap Pencapaian Pendidikan Seni Visual Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	103
Jadual 4.6	Ujian <i>Pos Hoc</i> LSD Perbandingan Faktor Lokasi Tempat Tinggal dengan Tahap Pencapaian Pendidikan Seni Visual	104
Jadual 4.7	Gred Penguasaan Sedia Ada Asas Seni Reka Pelajar Tingkatan Empat	105
Jadual 4.8	Ujian Khi Kuasa dua Faktor Jantina dengan Tahap Penguasaan Sedia Ada Asas Seni Reka Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	106
Jadual 4.9	Ujian Khi Kuasa dua Faktor Kelulusan Akademik Keluarga dengan Tahap Penguasaan Asas Seni Reka Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	108
Jadual 4.10	Ujian Korelasi Antara Faktor Minat dengan Tahap Penguasaan Sedia Ada Asas Seni Reka Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	110
Jadual 4.11	Ujian Khi Kuasa dua Faktor Bangsa dengan Tahap Penguasaan Sedia Ada Asas Seni Reka Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	111
Jadual 4.12	Ujian Korelasi Antara Faktor Kejelasan Pengajaran Guru Pendidikan Seni Visual dengan Pencapaian Pendidikan Seni Visual Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	112

Jadual 4.13	Ujian Khi Kuasa dua Kejelasan Pengajaran Guru Pendidikan Seni Visual dengan Tahap Penguasaan Sedia Ada Asas Seni Reka	113
Jadual 4.14	Ujian <i>Pos Hoc LSD</i> Perbandingan Pembelajaran Secra Berkumpulan di Lima Buah Sekolah Yang Dikaji	115
Jadual 4.15	Ujian Khi Kuasa Dua Faktor Guru Mengambil kira Proses Pembelajaran Di dalam Bilik Darjah/Studio Seni dengan Penguasaan Sedia Ada Asas Seni Reka	117
Jadual 4.16	Ujian Khi Kuasa Dua Faktor Guru Menaruh Kepercayaan Terhadap Pelajar Semasa Proses Pembelajaran Pendidikan Seni Visual dengan Penguasaan Asas Seni Reka Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	118
Jadual 4.17	Ujian Korelasi Antara Persekitaran Pembelajaran Konstruktivisme dengan Tahap Penguasaan Sedia Ada Asas Seni Reka Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	120
Jadual 4.18	Perkaitan Korelasi Antara Tahap Penguasaan Sedia Ada Asas Seni Reka dengan Tahap Pencapaian Pendidikan Seni Visual Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	121
Jadual 4.19	Ujian Korelasi Persekitaran Pembelajaran Konstruktivisme dengan Gred Pencapaian Pendidikan Seni Visual Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	122
Jadual 4.20	Analisis Regresi Pembolehubah-pembolehubah yang Di kaji dengan Pencapaian Pendidikan Seni Visual Para Pelajar Tingkatan Empat	124
Jadual 4.21	Jadual Pekali Regresi	125

SENARAI RAJAH**RAJAH****HALAMAN**

2.1	 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	58
2.2	Rangka Konseptual	67
3.1	Kerangka Pelaksanaan Reka Bentuk Kajian	72
3.2	Aliran Proses Analisis Teknikal untuk Menentukan Kesahan dan Kebolehpercayaan	80

SENARAI SINGKATAN

BPG : Bahagian Pendidikan Guru



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SMK : Sekolah Menengah Kebangsaan

P&P : Pengajaran dan Pembelajaran

PPK : Pusat Perkembangan Kurikulum

KPM : Kementerian Pelajaran Malaysia

FPN : Falsafah Pendidikan Negara

SPM : Sijil Pelajaran Malaysia

KBSM : Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

PPK : Pusat Perkembangan Kurikulum

SPSS : *Statistik Package for Social Science*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang permasalahan kajian. Ianya merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kerangka teori, definisi istilah dan rumusan.

Menerusi kajian ini, pengkaji cuba melihat hubungan persekitaran pembelajaran Konstruktivisme yang merupakan sebahagian daripada pendekatan pengajaran berdasarkan pengalaman dan penguasaan sedia ada pelajar. Berdasarkan beberapa kajian mengenai keberkesanan kaedah ini, pengkaji turut menekankan betapa pentingnya penguasaan disiplin Asas Seni Reka dalam Pendidikan Seni Visual agar setiap pelajar dapat menguasai pelajaran di peringkat asas dan menguasainya dalam bidang kehidupan.

Pendidikan Seni di sekolah sepertimana menurut sebahagian besar pengkaji barat seperti Eisner (1972), Lansing (1971) dan Efland (1977), bersependapat bahawa Pendidikan Seni adalah untuk mengembangkan potensi individu serta melahirkan bakat pelajar agar berupaya untuk memahami nilai seni untuk dirinya, masyarakat, warisan seni budaya serta nilai-nilai estetika secara global iaitu mengaitkan seni dengan kehidupan individu agar dapat membuat pertimbangan dan penilaian yang terbaik untuk dirinya, masyarakat dan budaya.

Oleh itu, jika dilihat arus Pendidikan Seni di negara ini, menerusi Pengisian Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Seni Negara pelbagai usaha telah dilakukan dalam mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni di sekolah-sekolah atau institusi-institusi pengajian tinggi. Antara usaha-usaha tersebut seperti laporan Dr. Bell di Madras dan Doctrine Lord Macaulay tahun 1935; Pengenalan Pendidikan Seni tahun 1900 oleh Kerajaan Selangor; Pembinaan 'Malayan Art School' tahun 1902 oleh Kerajaan Perak di bawah naungan Sultan Perak, sumbangan O.T. Dussek di Maktab Perguruan Sultan Idris-Tanjung Malim tahun 1930an; Penubuhan Majlis Kesenian Melayu di Kuala Lumpur tahun 1956; Penubuhan Maktab Perguruan Ilmu Khas di Jalan Cheras, Kuala Lumpur tahun 1960. Penubuhan Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, Institut Teknologi MARA tahun 1967 dan seterusnya kursus Pendidikan Seni tahun 1973, Penubuhan kursus Seni Halus di Universiti Sains Malaysia dan seterusnya dengan bercambahnya institusi-institusi seni persendirian atau swasta di sekitar Lembah Kelang. Masing-masing dengan kaedah kurikulumnya yang tersendiri (D'zul Haimi, 1992).

Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia, melalui penggubalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), telah menobatkan subjek seni sebagai salah satu subjek penting (1989) yang menggantikan Seni Lukis dan Pertukangan Tangan dalam Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) pada tahun 1973. Sistem Pendidikan di

Malaysia di bawah kategori institusi pendidikan Kerajaan merangkumi Sistem Pendidikan Kebangsaan di peringkat sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Buku Panduan Guru disediakan pada tahun 1998-1990, iaitu setelah tiga belas tahun subjek ini diperkenalkan. Bermula di peringkat Pra-sekolah dengan memetik objektif yang ke sembilan, berbunyi memperkembangkan daya kreatif dan estatika', kandungan sukatan kurikulum adalah bagi mempelajari: 1) Asas-asas Seni Reka, 2) Prinsip Rekaan, 3) Organisasi Rekaan dan 4) Pemahaman dan Penghargaan (Rashidah, 2001).

Pengkaji melihat subjek Pendidikan Seni Visual tidak mendapat tempat di hati para pelajar sabagai salah satu mata pelajaran yang dapat memberi peluang kepada mereka dalam hal yang lebih bermakna sebagaimana mereka melihat kepentingan mata pelajaran lain seperti keperluan mempelajari Matematik dan Sains. Namun hakikatnya subjek Pendidikan Seni Visual adalah salah satu mata pelajaran yang dapat menarik perhatian pelajar jika kaedah pembelajarannya tidak membosankan dan lebih mencabar daripada subjek lain. Perubahan kurikulum, teknik pembelajaran dan teknologi pada hari ini merupakan cabaran yang perlu diselarikan dengan gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru-guru Pendidikan Seni Visual. Hal ini kerana dari pelbagai program melalui pendekatan yang diguna dapat memberikan hasil yang lebih baik, kerana salah satu faktor yang dapat mempengaruhi hasil belajar di antaranya adalah pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh guru. Melalui pendekatan yang sesuai para pelajar dapat meningkatkan pemahamannya terhadap konsep-konsep yang dipelajari.

Sekiranya guru-guru yang mengajar subjek ini tidak menekankan konsep-konsep dalam Pendidikan Seni Visual ternyata hasil pembelajaran adalah sia-sia. Utusan Malaysia (2004) melaporkan bahawa 'Guru tidak pandai mengajar' merupakan satu teguran yang menyedihkan. Malah, segelintir guru yang tidak kreatif dalam pengajaran

sehingga menyebabkan sesi pengajaran membosankan. Lebih menyedihkan lagi pelajar menganggap subjek yang diajar tiada kaitan dengan keperluan mereka dan tidak minat.

Ibrahim (2001) menyatakan senario yang berlaku seperti keadaan dan cara guru mengajar yang terdapat di sekolah-sekolah pada hari ini seperti yang dilaporkan ialah:

- i. untuk memastikan murid-murid menghasilkan jawapan yang betul bagi himpunan soalan dalam buku teks atau disediakan oleh guru;
- ii. sekadar melatih murid-murid menguasai kemahiran khusus dan mengingat fakta-fakta;
- iii. teknik demonstrasi-latihan iaitu guru menyelesaikan soalan contoh dan kemudian murid membuat latihan berpandukan contoh;
- iv. jarang menggunakan kaedah penemuan yang menjadi inti bagi pembelajaran melalui pengalaman.

Sehubungan dengan isu di atas, Kowalchuk (1999) mengatakan adakalanya pendekatan yang digunakan oleh guru tidak sama. Jadi, kesannya pelajar yang mempelajari seni mendapat pengertian juga adalah berbeza. Ini kerana dalam merancang rangka pengajaran bagi pembelajaran yang melibatkan pemikiran aras tinggi, guru perlu menimbangkan tiga faktor penting;

- i. Perhatian kepada pengetahuan kandungan
- ii. pembentukan kemahiran, dan
- iii. kesedaran tentang disposisi yang membawa kepada tingkat interaksi tiga faktor ini.

Tobin *et al.* (1990), dari perspektif konstruktivis menganggap cabaran utama kepada guru-guru ialah untuk menfokus kepada pelajar-pelajar belajar dengan pemahaman dan bukannya untuk menitikberatkan usaha menghabiskan sukatan pelajaran sahaja. Ini dikatakan bertentangan dengan amalan kini yang melibatkan adaptasi bahan

dari buku teks atau buku panduan guru dan isi kandungan serta aktiviti-aktiviti dibahagikan menjadi bahagian-bahagian yang senang diurus supaya pelajar-pelajar dapat menghabiskan semua atau kebanyakan tugas dalam masa yang telah ditetapkan.

Menerusi kaedah pembelajaran Konstruktivisme yang memperlihatkan pembinaan pengetahuan melalui pengalaman sedia ada. Dalam Pendidikan Seni Visual, ianya memperlihatkan bahawa pengetahuan yang diperolehi menerusi penguasaan disiplin Asas Seni Reka adalah penting dan melalui pengalaman murid sendiri daripada apa yang telah dipelajari di peringkat sekolah rendah mahupun peringkat menengah rendah. Sekurang-kurangnya pengetahuan ini dapat membantu pelajar menerima pelajaran selanjutnya. Oleh itu, suasana pembelajaran dan pendekatan Konstruktivisme seharusnya dapat memenuhi syarat tersebut.

Oleh yang demikian, pengkaji merasakan adalah mustahak bagi guru-guru memahami mana-mana pendekatan pembelajaran yang disarankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) serta mengaplikasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam mengayakan lagi teknik pengajaran di sekolah-sekolah di samping menitikberatkan aspek-aspek yang berkaitan dengan pembelajaran berikut. Salah satu pendekatan mengajar yang dapat dianggap memenuhi syarat dilihat dari kerangka konseptual Pendidikan Seni Visual, adalah pendekatan Konstruktivisme. Pendekatan pembelajaran ini adalah merupakan implementasi dari sejumlah prinsip-prinsip Konstruktivisme tentang bagaimana pengetahuan diperolehi.

Soalnya apakah pengetahuan dan disiplin asas Pendidikan Seni Visual yang dilaksanakan di sekolah-sekolah telah dikuasai oleh guru? Mungkin pemahaman teori Pendidikan Seni Visual sahaja belum mencukupi tanpa memikirkan apakah tindakan yang patut dilakukan oleh guru dalam era teknologi global sekarang?

Usaha telah dilakukan oleh pihak Kementerian Pelajaran melalui PPK untuk menjelaskan konsep Pendidikan Seni ini. Jika diteliti pada kesemua peringkat sukatan pelajaran Pendidikan Seni yang disediakan, sudah jelas pengertian dan matlamatnya. Tetapi kecelaruan itu masih berlaku dalam kepercayaan dan amalan di bilik darjah atau ketika proses pengoperasian dilakukan. Nilai-nilai pendidikan tidak berjaya diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni di bilik darjah kerana tumpuan lebih kepada matlamat menghasilkan produk semata-mata (Ibrahim, 2001).

Oleh itu, selari dengan matlamat Pendidikan Seni Visual langkah utama yang harus dilakukan oleh para pendidik dan institusi pendidikan ialah menyediakan dan melengkapkan para pelajar dengan kemahiran asas seni menerusi kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual. Selari dengan matlamat tersebut saranan kepada amali dan teori pembelajaran Konstruktivisme perlu dikuasai oleh guru dan pelajar bagi membina konsep sendiri atau pengetahuan baru dalam Pendidikan Seni Visual.

Walaupun begitu, di Malaysia masih belum banyak kajian terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual melalui kaedah pembelajaran Konstruktivisme secara khusus. Ia hanya ditinjau dari sudut persepsi guru-guru Pendidikan Seni Visual tentang pelaksanaan kurikulum Pendidikan Seni Visual Kurikulum Baru Sekolah Malaysia (KBSM). Maka rasional kajian ini ialah bagi melihat persekitaran pembelajaran yang dilaksanakan menerusi proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual adalah menepati dengan kehendak pembelajaran Konstruktivisme di peringkat sekolah menengah serta hubungan penguasaan sedia ada terhadap disiplin Asas Seni Reka yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Pendidikan Seni Visual disamping pelaksanaan pendekatannya dalam pengajaran dan pembelajaran.

1.2 Pernyataan Masalah

Kementerian Pelajaran Malaysia (1988) telah menyediakan langkah-langkah bagi memupuk kecerdasan intelek dan rohani setiap produknya. Strategi pengajaran yang disediakan pasti dapat menghasilkan pelajar yang dapat merealisasikan matlamat dan sasaran Falsafah Pendidikan Negara (FPN), yang telah diumumkan secara rasmi pada tahun 1988.

Berdasarkan status mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bagi tahun 1999 di dalam Peningkatan Standard Kualiti Pendidikan Seni Perspektif Naziran oleh Hassan (2000), yang dibuat bagi pemeriksaan ke atas 108 buah sekolah (32 sekolah menengah dan 72 sekolah rendah). Melalui sesi pemeriksaan sebanyak 265 pemerhatian pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan. Hasil skor yang diberi status atau prestasi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual berada pada tahap kurang berkesan. Antara masalah yang sedia dikenal pasti ialah:

- i. Aspek kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif merupakan elemen yang masih kurang dapat dijelmakan dalam proses pembelajaran. Akibat daripada status demikian pelajar khususnya di peringkat menengah kurang berupaya membicarakan hal-hal seni secara kritis dan kurang mampu mengaplikasikan teori tersebut dalam aktiviti amali khususnya dalam menghasilkan produk seni yang kreatif dan inovatif.
- ii. Aktiviti untuk merakamkan pengalaman sama ada dalam bentuk sketsa/lakaran dan catatan khususnya di peringkat menengah belum dapat dijadikan amalan. Malah murid belum dapat menguasai sebahagian daripada kemahiran belajar seperti membuat nota dan catatan yang berkaitan dengan teori seni. Mereka menyalin

sepenuhnya apa yang ditulis, atau bergantung kepada nota bercetak yang disediakan oleh guru.

- iii. Murid/pelajar kurang mampu menggunakan pancaindera untuk berinteraksi dengan alam dan bahan secara terancang yang membolehkan mereka mengembang daya persepsi visual, imaginasi dalam menghasilkan karya seni inovatif dan kreatif.
- iv. Ekoran daripada sindrom pergantungan dan kurang daya pengamatan ini mengakibatkan murid/pelajar kurang yakin untuk mengeluarkan pendapat, berbincang, memberi idea atau komen tentang sesuatu bentuk seni dan perkaitannya dengan pengalaman.

(Jemaah Nazir Sekolah, 2000)

Berdasarkan kenyataan berikut, usaha bagi meningkatkan proses keberkesanan hasil daripada pengajaran guru-guru Pendidikan Seni Visual perlu dinilai berdasarkan landasan-landasan yang telah digariskan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) atau Bahagian Pendidikan Guru (BPG) bagi membantu guru-guru Pendidikan Seni Visual dalam melihat dan menilai keberkesanan pembelajaran pelajar di sekolah serta faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan keberkesanan pembelajaran pelajar dan keberkesanan pengajaran guru yang memberi kesan terhadap persekitaran sekolah atau pembinaan intelek pelajar tersebut.

Justeru, pengkaji merasakan kelemahan-kelemahan pelajar adalah dilihat dari segi kegagalan pelajar menguasai disiplin Asas Seni Reka yang terdiri daripada organisasi Unsur Seni dan Prinsip Rekaan. Sekiranya pelajar-pelajar tidak menguasai apa yang telah dipelajari dari peringkat rendah, maka pelajar-pelajar ini akan menghadapi masalah dalam proses mempelajari struktur seni yang lebih mencabar di peringkat lebih tinggi.

Justeru, pengkaji merasakan adalah perlu bagi memastikan pelajar-pelajar menguasai

dan mempunyai sekurang-kurangnya sedikit pengalaman dan pengetahuan asas dalam proses tersebut di peringkat awal pembelajaran di peringkat rendah khususnya.

Ibrahim (2000), menyatakan apa yang menjadi masalah utama di kalangan pelajar hari ini di sekolah menengah, ialah guru sendiri tidak faham Asas Seni Reka dalam Pendidikan Seni Visual kerana kesukaran mentafsir objektif. Selain daripada aspek kurang minat, kita juga melihat guru-guru Pendidikan Seni Visual kurang menggunakan strategi pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan model iklim dan budaya sekolah kita serta Pendidikan Seni Visual masih tidak mempunyai modul pengajaran yang mantap untuk dicontohi sebagai strategi pelaksanaan kita.

Penekanan terhadap kepentingan mempelajari komponen Asas Seni Reka perlu ditekankan bagi menguasai asas disiplin seni. Kebanyakan pelajar di sekolah masih tidak memahami konsep garisan, perspektif, prinsip rekaan dan lukisan. Sebagai contoh, masih terdapat juga kekeliruan fahaman antara lukisan dan catan yang sepatutnya telah dikuasai di peringkat awal. Ini turut dijelaskan melalui Lansing (1977) turut menekan pada peringkat menengah rendah (*Junior High*) pelajar pada tahap ini sudah berkeupayaan untuk bertindak sebagai artis dan menguasai konsep Asas Seni Reka. Justeru konsep Konstruktivisme amat disarankan bagi memenuhi pembelajaran Pendidikan Seni Visual bagi meningkat keupayaan penguasaan Asas Seni Reka. Kerana jika pelajar gagal menguasai konsep seni di peringkat awal, pengalaman seseorang individu di peringkat seterusnya akan menjadi lebih terhad. Ini kerana jika pelajar tidak mempunyai bakat semulajadi mereka perlu berusaha untuk menguasai konsep seni di peringkat awal. Disinilah guru perlu memainkan peranannya dalam melaksanakan model-model yang disarankan.

Menerusi kenyataan tersebut, jelas objektifnya menunjukkan bagaimana kandungan yang sama digunakan dalam peringkat yang berbeza dan melibatkan

perluasan cakupan struktur ilmu yang pada awalnya secara am menuju kepada kompleks di mana pelajar dilihat mengikut aras perkembangan dan pertumbuhan fizikal, kognitif, efektif dan psikomotornya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Schubungan dengan itu, kepentingan subjek ini telah dikemukakan dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Seni Visual melalui penentuan aspek kandungan dan pemberatan yang dibuat menerusi Jadual Penentu Ujian (JPU). Melalui JPU, keseluruhan topik kandungan Sukatan Pelajaran dirancang mengikut kepentingan dan tingkatan bagi mengukur aras kognitif dalam menentukan tahap kesukaran sesuatu ujian. Aspek kandungan dikategorikan kepada tiga topik utama iaitu Asas Seni Reka, Organisasi Rekaan dan Aras.

Aras kognitif dalam JPU berfungsi untuk menentukan tahap kesukaran sesuatu ujian. Aras kognitif yang disadur dari Taksonomi Bloom mengandungi enam aras utama iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintensis dan penilaian digunakan untuk mengelaskan item ujian mengikut tahap kesukaran yang diinginkan, dari aras mudah ke aras sukar. Pemberatan aras kognitif dalam JPU ditentukan berdasarkan peringkat umur kerana umumnya, kebolehan berfikir meningkat selaras dengan umur. Hasil daripada ujian JPU, pemberatan sebanyak 65% bagi Asas Seni Reka dan Aras Ingatan (50%) menunjukkan kepentingan topik tersebut yang sebahagian besarnya diuji ditahap kognitif terendah. Pemahaman dan penghargaan hanya melibatkan 10% dari keseluruhan pemberatan. Begitu juga dengan aras kognitif yang lebih tinggi seperti aplikasi dan analisa. Ini bermaksud penekanan kurang diberikan kepada komponen-komponen tersebut.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual 1.1

Jadual Penentu Ujian

Aspek Kandungan				
Aras Kognitif	Asas Seni Reka	Organisasi Rekaan	Pemahaman & Penghargaan	Jumlah
Ingatan	13	5	2	20 (50%)
Kefahaman	7	3	2	12 (30%)
Aplikasi	3	1	0	4 (10%)
Analisis	3	1	0	4 (10%)
Sintesis	0	0	0	0
Penilaian	0	0	0	0
JUMLAH	26 (65%)	10 (25%)	4 (10%)	40 (100%)

JPU menunjukkan pemberatan aspek kandungan aras kognitif di dalam kertas ujian teori Tingkatan 1 dan 2.

(Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990)

Ini bermakna pemberatan bagi struktur Asas Seni Reka menunjukkan kepentingan topik berikut daripada aspek kandungan berbanding dengan topik-topik lain. Menerusi analisis diskrepensi aspek kandungan antara kertas ujian tingkatan satu dan dua menunjukkan perbezaan yang agak ketara bagi struktur Asas Seni Reka dan Organisasi Rekaan. Penekanan yang berlebihan, (16.6%) telah diberikan kepada Asas Seni Reka tingkatan satu manakala (3.6%) bagi tingkatan dua.

Hasil daripada analisis di atas, kebanyakan guru-guru mengambil sikap untuk mendapat hasil yang terbaik daripada para pelajar sebaliknya tidak memberatkan kehendak objektif pelajaran yang menegaskan aspek-aspek Unsur Seni dan Prinsip Rekaan dalam Asas Seni Reka. Padahal pelajar perlu diberi latihan kemahiran sehingga menguasai konsep Asas Seni Reka, dari situlah pelajar dapat menguasai kemahiran seni (Abdullah Junus, 1993).

Aspek kepentingan Asas Seni Reka perlu dikuasai pelajar kerana kurikulum Pendidikan Seni meliputi;

1. Bidang Penghasilan Seni meliputi;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my f Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah t PustakaTBainun i ptbupsi a) Asas Seni Reka i) Unsur Seni ii) Prinsip Rekaan	garisan, rupa, bentuk, ruang, jalinan dan warna harmoni, penegasan, imbangan, kontra, irama, pergerakan, kepelbagaian dan kesatuan.
b) Seni Halus	lukisan, catan, arca dan cetakan
c) Komunikasi Visual	reka bentuk grafik dan multimedia
d) Reka Bentuk	reka bentuk industri dan reka bentuk persekitaran (hiasan dalaman dan lanskap)
e) Kraf Tradisional dan Dimensi Baru	tembikar/seramik, batik, ukiran kayu, dan anyaman, tenunan dan tekad

2. Sejarah dan Apresiasi Seni Visual

Bidang ini memberi peluang kepada murid membuat kajian pemahaman terhadap hasil Seni Visual dalam budaya tempatan, kebangsaan dan negara

ASEAN serta negara tertentu yang mempunyai kesamaan dan kelainan dengan budaya kebangsaan. Murid dapat menyatakan kefahaman, membuat apresiasi dan kritikan seni.